BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 11/11/07

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Jumaat, 18 November 2011

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2011

Pertumbuhan bertambah baik pada suku ketiga

Pada suku ketiga 2011, ekonomi global terus menghadapi persekitaran yang mencabar. Pasaran kewangan yang masih tidak menentu, keadaan fiskal yang tidak memuaskan dan pasaran pekerja yang lemah dalam ekonomi maju terus memberikan risiko terhadap pertumbuhan dalam ekonomi sedang pesat membangun, seperti Malaysia. Meskipun menghadapi persekitaran yang mencabar, ekonomi Malaysia terus mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi 5.8% (S2 11: 4.3%), disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Permintaan dalam negeri yang kukuh ini didorong oleh perbelanjaan isi rumah dan perniagaan yang meningkat serta perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi. Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada suku itu dengan sektor perkilangan mencatat prestasi yang nyata lebih baik serta disokong oleh permintaan serantau yang mantap bagi keluaran berasaskan sumber dan pemulihan daripada gangguan rantaian bekalan berikutan bencana alam di Jepun.

Pertumbuhan lebih tinggi pada suku ketiga
(pada harga malar tahun 2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 9.0% (S2 11: 5.6%), didorong oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi dan peningkatan dalam perbelanjaan sektor awam. Penggunaan swasta meningkat sebanyak 7.3% (S2 11: 6.4%), sejajar dengan pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan manakala penggunaan awam pula meningkat sebanyak 21.7% (S2 11: 6.6%) berikutan perbelanjaan bagi emolumen dan bekalan serta perkhidmatan yang lebih tinggi serta pembayaran bonus pada suku ketiga. Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 6.1% pada suku ketiga (S2 11: 3.2%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor awam yang lebih tinggi, terutamanya perusahaan awam bukan kewangan, dan pelaburan sektor swasta yang terus meningkat. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan pada suku itu kebanyakannya disalurkan ke dalam sektor kemudahan awam, pendidikan, pengangkutan, serta sektor perdagangan dan industri. Pelaburan sektor swasta disokong oleh perbelanjaan modal dalam industri minyak dan gas; sektor telekomunikasi serta bidang pertumbuhan baharu seperti tenaga boleh diperbaharui dan kelengkapan perubatan.

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam kebanyakan sektor ekonomi bertambah kukuh pada suku ketiga. Pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan disokong terutamanya oleh aktiviti berasaskan dalam negeri. Pertumbuhan yang lebih tinggi bagi sektor perkilangan mencerminkan rantaian bekalan yang bertambah baik dan prestasi industri berorientasikan dalam negeri yang mantap. Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi dan dipacu oleh subsektor kejuruteraan awam. Pertumbuhan yang meningkat dalam sektor pertanian disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah dan getah asli yang kukuh. Walau bagaimanapun, sektor perlombongan terus menguncup, tetapi pada kadar yang lebih kecil berikutan pengeluaran minyak mentah yang telah terjejas oleh penutupan loji pengeluaran.

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (Consumer Price Index, CPI), meningkat kepada 3.4% mengikut asas tahunan pada suku ketiga (S2 11: 3.3%). Kenaikan harga pengguna ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga sebanyak 4.8% (S2 11: 4.7%) dalam kategori makanan dan minuman tanpa alkohol. Harga dalam kategori pengangkutan mencatat kenaikan yang lebih perlahan sebanyak 4.3% (S2 11: 5.7%), disebabkan ketiadaan pelarasan harga yang selanjutnya terhadap harga petrol RON95 dan diesel pada tahun 2011.

Dalam sektor luaran, akaun semasa mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM26.6 bilion, bersamaan dengan 12.5% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih tinggi dan defisit pendapatan yang lebih kecil. Lebihan barangan bertambah besar kepada RM38.2 bilion pada S3 2011 disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang melebihi pertumbuhan import. Eksport kasar mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 11.4% (S2 11: 8.8%), mencerminkan pengembangan berterusan dalam eksport barangan perkilangan bukan E&E dan komoditi. Pertumbuhan import kekal pada 7.4% (S2 11: 7.4%).

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Akaun kewangan berubah daripada kedudukan aliran masuk bersih kepada aliran keluar bersih sebanyak RM23.3 bilion (S2 11: + RM44.5 bilion), disebabkan oleh aliran keluar bersih pelaburan portfolio yang besar dan aliran masuk bersih pelaburan langsung asing yang lebih kecil. Pada suku ketiga, pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia terus meningkat, manakala pelaburan lain mencatat semula aliran masuk bersih, terutamanya oleh sektor swasta. Imbangan pembayaran keseluruhan kekal kukuh, dengan lebihan yang dicatat sebanyak RM10.9 bilion pada suku ketiga (S2 11: RM61.7 bilion), disebabkan lebihan yang lebih besar dalam akaun semasa lebih daripada mengimbangi kedudukan aliran keluar bersih dalam akaun kewangan.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM417.2 bilion (bersamaan dengan USD131 bilion) pada 30 September 2011. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing. Pada 31 Oktober 2011, kedudukan rizab telah meningkat kepada RM429.1 bilion, bersamaan dengan USD134.8 bilion dan memadai untuk membiayai 9.9 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 3.00% pada suku ketiga 2011, susulan kenaikan 25 mata asas pada bulan Mei. Pada paras semasa, OPR terus menyokong aktiviti ekonomi. Pendirian dasar monetari adalah konsisten dengan penilaian ketidakpastian yang lebih ketara ekoran perkembangan global yang telah menyebabkan wujudnya peningkatan risiko pertumbuhan akan menjadi lebih rendah.

Paras OPR yang kekal tidak berubah dicerminkan oleh kadar antara bank semalaman purata dan kadar antara bank bagi tempoh matang lain yang stabil. Dari segi kadar faedah runcit, kadar deposit tetap (Fixed Deposit, FD) disebut purata, kadar pinjaman asas (Base Lending Rate, BLR) purata dan kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Dengan kadar pinjaman runcit masih di bawah paras prakrisis, kos pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi.

Aktiviti pembiayaan pada suku ketiga kekal berdaya tahan. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal kekal pada RM223.9 bilion pada suku ketiga (S2 11: RM224.9 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (Private Debt Securities, PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 13.4% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 11: 12.8%). Penunjuk pinjaman utama kekal kukuh pada suku ketiga.

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM12.7 bilion pada suku ketiga (S2 11: RM20.8 bilion), dengan 88% daripadanya atau RM11.1 bilion diperoleh sektor swasta, terutamanya melalui sekuriti hutang

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

swasta. Dana bersih yang diperoleh sektor awam pada suku tersebut berjumlah RM1.6 bilion.

Pada suku ketiga, agregat monetari terus berkembang pada kadar yang mampan. Wang secara luas atau M3 mencatat pertumbuhan pada kadar tahunan 12.5% pada akhir bulan September 2011 (akhir bulan Jun 11: 12.4%).

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku ketiga, sejajar dengan mata wang serantau lain. Susut nilai ini yang berlaku terutamanya pada bulan September 2011, mencerminkan kebimbangan yang semakin tinggi terhadap krisis hutang kerajaan di Eropah dan kemampanan pemulihan ekonomi global, yang telah mengakibatkan penghindaran yang lebih tinggi terhadap pengambilan risiko dan mendorong sesetengah pelabur untuk menjual pegangan aset pasaran sedang pesat membangun. Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 5.3% berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (1.5%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-2.2%) dan yen Jepun (-9.9%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (4.5%) dan dolar Singapura (0.2%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan mata wang lain dalam julat 2.9% hingga 6.3%. Antara tempoh 1 Oktober hingga 16 November 2011, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (0.8%), yen Jepun (1.4%) dan euro (1.3%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-0.4%). Berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (3.3%), dolar Singapura (0.4%) dan renminbi China (0.1%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan peso Filipina (-0.1%), baht Thailand (-0.3%) dan won Korea (-3.0%).

Kestabilan kewangan kekal utuh

Kestabilan kewangan kekal utuh sepanjang suku ketiga disokong oleh institusi kewangan yang teguh dan pasaran kewangan yang teratur, yang seterusnya memberikan sokongan berterusan kepada pengantaraan kewangan yang cekap bagi ekonomi dalam negeri. Risiko keseluruhan terhadap kestabilan kewangan kekal rendah walaupun dalam keadaan persekitaran luaran yang lebih mencabar.

Sektor perbankan terus memperlihatkan daya tahan yang tinggi, dengan penampan modal yang kukuh, keberuntungan yang mampan dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Tahap nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko masing-masing kekal kukuh pada paras berhemat 12.5% dan 14.6%. Selain itu, sektor insurans dan takaful juga memperlihatkan daya tahan yang sama dengan nisbah kecukupan modal yang kukuh pada 221.1%
.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Ekonomi dalam negeri akan mencatat pertumbuhan dalam persekitaran luaran yang lebih mencabar

Ekonomi global terus pulih pada suku ketiga, tetapi pada kadar yang lebih sederhana dan tidak sekata. Prospek pertumbuhan global semakin tidak menentu berikutan risiko yang kian meningkat, terutamanya kemungkinan meningkatnya kebimbangan mengenai kedudukan fiskal dalam ekonomi maju, yang akan menambah lagi tekanan terhadap sistem kewangan antarabangsa dan melemahkan prospek untuk pertumbuhan global yang berterusan.

Bagi ekonomi Malaysia, pertumbuhan yang lebih tinggi pada suku ketiga disokong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dan sektor luar negeri yang bertambah baik disebabkan oleh permintaan serantau yang kukuh. Melangkah ke hadapan, persekitaran antarabangsa yang lebih mencabar mungkin mewujudkan risiko yang lebih besar terhadap prospek pertumbuhan Malaysia. Walau bagaimanapun, pertumbuhan permintaan dalam negeri dijangka terus menjadi pendorong utama pertumbuhan, disokong oleh penggunaan dan pelaburan swasta yang meningkat. Aktiviti perbelanjaan dan pelaburan sektor awam juga dijangka menyokong pertumbuhan.

Bank Negara Malaysia
18 November 2011

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my